

MEMPERKUKUH PERPADUAN KAUM

Standard Pembelajaran

2.3.4 Membaca untuk membuat ulasan daripada pelbagai bahan dengan menggunakan analogi yang betul dan tepat menggunakan teknik bacaan yang sesuai.

Teliti bahan yang diberikan di bawah, kemudian lengkapkan ulasan di bawah menggunakan **analogi** yang diberikan.

bagai pesta

macam semut

laksana biji saga

bak merak

seperti bangkai

macam padang pasir

bagai gula

umpama lebah

Pembinaan negara bangsa memerlukan kesatuan dan kesepaduan rakyat, apatah lagi dalam konteks keunikan negara Malaysia yang mempunyai rakyat berbilang bangsa, agama dan budaya.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Perpaduan rakyat citra pembangunan negara bangsa' oleh Dr Kassim Thukiman, Berita Harian Online, 24 Julai 2020

Adat Resam

- (a) Masyarakat dapat mengenali adat resam dan budaya kaum lain. Hal ini disebabkan oleh setiap kaum mempunyai kebudayaan yang unik. Contohnya, masyarakat dapat mengetahui kemeriahan tarian singa _____ yang diadakan pada Tahun Baharu Cina itu untuk memanggil tuah atau 'ong' dengan warna merah _____.

Rumah Terbuka

- (b) Masyarakat dapat mengeratkan hubungan perpaduan antara kaum. Umum mengetahui bahawa masyarakat yang sibuk bekerja _____ menyebabkan hubungan semakin tandus _____. Misalnya, kaum Melayu boleh mengundang jiran berbangsa India dan Cina ke rumah terbuka Hari Raya Aidilfitri untuk menikmati juadah.

Gotong-royong

- (c) Masyarakat dapat memupuk amalan kerjasama yang erat. Seperti yang kita ketahui, semangat kerjasama amat penting untuk menyatupadukan masyarakat berbilang kaum. Sebagai contoh, masyarakat hendaklah rajin _____ ketika membersihkan kawasan perumahan dan sampah sarap yang busuk _____.

Kempen Perpaduan

- (d) Masyarakat dapat menyedari kepentingan perpaduan kaum. Hal ini disebabkan terdapat segelintir masyarakat yang sombong _____ . Umpamanya, masyarakat yang diwara-warakan dengan kepentingan semangat muhibah ini akan sentiasa memberikan senyuman manis _____ kepada kaum lain apabila bertemu.